

No. Ruj: Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(25)
Tarikh : 10hb Disember 2020

KENYATAAN MEDIA

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang Menyokong Pakej Lawatan Berpandu 'Experience Penang Hill' Oleh NatureWalks@PenangHill

Pengunjung kini boleh merasai pengalaman ketika berada di Bukit Bendera melalui lawatan berpandu yang pastinya menyeronokkan serta dipenuhi dengan keajaiban alam semula jadi, peninggalan warisan dan kepelbagaian biodiversiti.

Dianjurkan oleh NatureWalks@PenangHill, lawatan berpandu yang dikenali sebagai "Experience Penang Hill" ini mendapat sokongan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP), Monkey Cup Garden, The Habitat dan Restoran David Brown.

Lawatan berpandu ini didatangkan dengan dua pakej; pakej sehari dan pakej separuh hari. Pakej lawatan satu hari menawarkan pilihan untuk menikmati makanan tengahari di Restoran David Brown yang diinspirasikan dari gaya seni bina kolonial British atau menikmatinya di Astaka (Cliff Café) dan berpeluang untuk menyelami laluan-laluan hutan hujan di The Habitat, sebelum menaiki buggy untuk meneruskan perjalanan ke Monkey Cup Garden. Peminat tumbuhan periuk kera dapat melihat kepelbagaian spesis unik periuk kera yang dijaga rapi.

Pengurus Besar PBBPP, Dato' Cheok Lay Leng menyambut baik anjuran dari NatureWalks@PenangHill.

"Pihak PBBPP amat gembira dengan semua rakan perniagaan yang berkerjasama dalam menjadikan pengalaman ketika berada di Bukit Bendera lebih menarik dan sempurna untuk para pengunjung. Selari dengan tema PBBPP iaitu, '*lihat alam semula jadi, hayati sejarah*', para pengunjung dapat menikmati permandangan yang menakjubkan, peninggalan bangunan bersejarah dan kesuburan tumbuh-tumbuhan yang ada pada hutan dipterokarpa ini yang pastinya sangat informatif serta memuaskan.

"Kami percaya bahawa pakej-pakej yang ditawarkan sesuai untuk seisi keluarga yang mempunyai anak-anak kecil dan golongan muda kerana aktiviti yang ditawarkan hanya memerlukan sedikit kecergasan. Program-program yang ditawarkan juga sangat fleksibel, dimana ia boleh diubah mengikut kesesuaian kumpulan atau organisasi yang ingin mengadakan acara *teambuilding*, menerokai laluan-laluan bukit atau bermalam di Bukit Bendera", menurut beliau.

Dato' Cheok menjangkakan lawatan berpandu Experience Penang Hill mendapat sambutan pelancong tempatan memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah ditamatkan.

"Semakin ramai pengunjung tempatan yang melibatkan diri dengan aktiviti luar yang berorientasikan kekeluargaan, agar mereka kekal sihat, jadi lawatan berpandu ini dianjurkan tepat pada masanya. Pihak PBBPP akan terus menjalankan kerja menaiktaraf Bukit Bendera pada masa yang sama tingkatkan usaha mempergiatkan eko-pelancongan dan kami amat yakin bahawa kolaborasi bersama NatureWalks@PenangHill dapat membina nama Bukit



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang, Malaysia.

No. Tel: +604-8288 880 (Hunting Line) No. Faks: +604-8288862

Laman Web: www.penanghill.gov.my



Bendera serta mampu menandingi taman-taman antarabangsa dimana pengunjung dapat melakukan aktiviti jelayah warisan dan eko-perlancogan”, tambah beliau.

Kepada yang berminat dan ingin daftar untuk NatureWalks@PenangHill sila hubungi En. KP Ong ditalian 016-4201189. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 sambungan 345 atau emel kepada cheryl.cheah@penanghill.gov.my.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Cheryl Cheah
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
Tel: 04-8288880
cheryl.cheah@penanghill.gov.my

Mohd Naszeem
Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
Tel: 04-8288880
naszeem@penanghill.gov.my



CEKAP AKAUNTABILITI TELUS
TO BE THE HILL RESORT OF CHOICE IN MALAYSIA